



جَابَتْز مَفْتِي نَكْرِي قَلْبَع

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JUN 2026



AZAM TAHUN BARU

5 JUN 2026M| 19 ZULHIJJAH 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Alhamdulillah, kita kini berada di penghujung tahun 1447 Hijrah. Tidak berapa lama lagi, kita akan melangkah ke tahun baharu yang mengingatkan kita kepada peristiwa agung hijrah Rasulullah ﷺ dari Mekah ke Madinah. Hijrah bukan sekadar perpindahan tempat, tetapi perubahan kehidupan daripada kegelapan jahiliah kepada cahaya iman. Hijrah juga mengajar manusia berubah daripada kejahilan kepada ilmu dan adab serta daripada maksiat kepada ketaatan kepada Allah ﷻ.

Firman Allah ﷻ dalam surah an-Nisa' ayat 100:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مَرَاغِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ

بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ

وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٠٠﴾

Yang bermaksud: “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan),

maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”



Firman Allah ﷻ lagi dalam surah ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.”*

Ayat-ayat ini mengingatkan kita bahawa perubahan ke arah kebaikan memerlukan usaha, kesungguhan dan azam yang benar. Oleh itu, kedatangan tahun baharu Hijrah hendaklah dijadikan ruang untuk kita bermuhasabah, menilai amalan yang lalu serta memperbaiki kelemahan diri menjadi insan yang lebih dekat dengan Allah.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah ﷻ,

Azam bukan sekadar keinginan atau kata-kata yang dilafazkan pada awal tahun, tetapi tekad yang lahir daripada keinsafan dan disertai usaha yang berterusan. Azam yang baik mestilah dibina atas dasar keimanan, keikhlasan dan kesungguhan untuk berubah menjadi insan yang lebih baik di sisi Allah.



Sebab itu, azam tahun baharu Hijrah hendaklah bermula dengan muhasabah diri, iaitu menilai hubungan dengan Allah ﷻ, hubungan sesama manusia serta keikhlasan dalam beramal.

Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat at-Tirmizi dan Ibnu Majah:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا
وَتَمَتَّى عَلَى اللَّهِ الْأَمَانِي.

Yang bermaksud: *“Orang yang bijak ialah orang yang menghitung dirinya dan beramal untuk kehidupan selepas mati. Manakala orang yang lemah ialah orang yang menurut hawa nafsunya dan hanya berangan-angan terhadap Allah.”*

Sesungguhnya azam tanpa muhasabah dan usaha yang bersungguh-sungguh hanya akan tinggal sebagai angan-angan semata-mata.

Sidang Jumaat yang dimulakan Allah ﷻ,

Azam dalam Islam tidak dapat dipisahkan daripada semangat hijrah, iaitu berubah ke arah kebaikan dengan meninggalkan segala perkara yang dilarang oleh Allah ﷻ. Sabda Nabi ﷺ dalam riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

“Seorang Muslim ialah orang yang menyelamatkan orang Islam yang lain daripada gangguan lisan dan tangannya. Dan seorang muhajir ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah.”



Maka azam yang sebenar bukan hanya menambah amalan kebaikan, tetapi juga meninggalkan dosa dan maksiat seperti mengumpat, memfitnah, berjudi, hiburan yang melampau serta perkara sia-sia.

Oleh itu, azam tahun baharu Hijrah hendaklah dimulakan dengan memperbaiki hubungan dengan Allah ﷻ dengan menjaga ibadah wajib serta memperbanyakkan amalan sunat seperti solat sunat rawatib, membaca al-Quran, berselawat dan berzikir, berdoa dan beristighfar.

Di samping itu, kita juga hendaklah berusaha memperbaiki akhlak dan peribadi dengan sifat mahmudah seperti jujur, amanah dan ikhlas serta menjauhi sifat mazmumah seperti sombong, khianat dan riak.

Kita juga hendaklah mengukuhkan hubungan sesama manusia dengan menjaga silaturrahim, membantu golongan yang memerlukan dan saling berbuat kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat.



Dalam masa yang sama, istiqamah melakukan amalan kebaikan walaupun sedikit amatlah dituntut kerana amalan yang berterusan lebih dicintai oleh Allah ﷻ sebagaimana hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim:

“Amalan yang paling disukai oleh Allah ialah amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun sedikit.”

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, hayatilah beberapa pengajaran penting untuk dijadikan panduan dalam kehidupan:

Pertama, tahun baharu Hijrah hendaklah dijadikan peluang untuk memperbaiki diri dengan akhlak yang baik dan meninggalkan sifat yang tercela.

Kedua, kita hendaklah berazam untuk meningkatkan kualiti ibadah serta mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan penuh keikhlasan dan istiqamah.

Ketiga, kita hendaklah berusaha menjadi insan yang lebih bermanfaat kepada keluarga, masyarakat dan agama melalui amal soleh dan kehidupan yang diredai Allah ﷻ.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ

رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.